



## SIARAN MEDIA

### KPKT UMUMKAN PROTOKOL PENGOPERASIAN PUB DAN KELAB MALAM BERLESEN KUATKUASA 14 MEI 2022

---

**PUTRAJAYA, 12 MEI 2022** – Susulan pengumuman Kerajaan pada 27 April 2022 berhubung senarai negatif yang telah dibenarkan kembali beroperasi bermula 15 Mei 2022, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengumumkan **Protokol Operasi Pub dan Kelab Malam Berlesen yang akan mula berkuatkuasa pada 14 Mei 2022**. Protokol Operasi Pub dan Kelab Malam Berlesen tersebut telah dimuat naik di laman sesawang MKN di [asset.mkn.gov.my](http://asset.mkn.gov.my).

Untuk makluman, Operasi Pub dan Kelab Malam Berlesen yang dikategorikan dalam senarai negatif ini telah dihentikan operasi selama hampir dua (2) tahun akibat pandemik Covid-19. Berdasarkan kepada pengumuman daripada Kerajaan tersebut, ia turut memberikan isyarat kepada industri-industri ini untuk turut mula beroperasi semula.

Setelah mendapat pandangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), KPKT telah mengeluarkan Protokol Pengoperasian Pub dan Kelab Malam Berlesen tersebut sebagai rujukan kepada semua pemain industri berkaitan.

KPKT menyeru agar semua pemain industri Pub dan Kelab Malam Berlesen dapat **mematuhi perkara-perkara penting** yang telah digariskan dalam Protokol tersebut bagi mengekang penularan kes positif COVID-19 dalam Fasa Transisi ke Fasa Endemik ini.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

